

BAB ENAM

PENUTUP

6.0 Pendahuluan

Alhamdulillah, setelah melalui pelbagai halangan dan cabaran maka disertasi yang dijalankan ini dapat disiapkan. Bab terakhir ini mengandungi dua bahagian utama iaitu kesimpulan dan cadangan.

Bahagian yang pertama mengandungi kesimpulan bagi fakta-fakta penting yang dibahaskan dalam kajian ini iaitu berkenaan kajian fonetik bahasa Arab dan hukum ima:laṭ dan tashi:l dalam riwayat Imam Warsh.

Bahagian yang kedua mengandungi beberapa cadangan yang dikira bermanfaat dan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu qira:'a:t dan membantu pengajian ilmu tersebut secara khusus dan pengajian bahasa Arab di Malaysia secara umum.

6.1 Rumusan

Setelah meneliti kajian yang dijalankan terhadap topik Ima:lat dan tashi:l dalam riwayat Warsh, maka beberapa kesimpulan dapat dirumuskan :

- a) Pembacaan al-Qur'an al-Karim adalah sunnah ikutan yang diambil secara mutawatir. Ia diriwayatkan daripada orang terdahulu sejak daripada Rasulullah (s.a.w) hingga sekarang. Sebenarnya ianya tidak boleh berdasarkan qiya:s atau pendapat semata-mata.
- b) Ima:lat adalah fenomena fonetik dalam bacaan al-Qur'an al-Karim. Ia sebenarnya telah wujud di kalangan dialek (lahjat) masyarakat Arab sejak dahulu lagi. Bahkan, ianya masih berkekalan hingga ke hari ini sebagai fenomena yang diterima pakai.
- c) Rujukan dalam pembacaan al-Qur'an al-Karim hendaklah kepada para qurra:' yang mahir sahaja kerana mereka begitu mengambil berat tentang hukum-hukum dan cara bacaan yang betul. Mereka menerimanya secara mutawatir sehingga kepada Rasulullah (s.a.w).

- d) Ima:laṭ di kalangan orang Arab terbahagi kepada berbagai tahap. Maka, seharusnya dirujuk kepada qira:'a:t al-Qur'a:n kerana para qurra:' yang paling layak menetapkan tahap-tahap tersebut di dalam bacaan al-Qur'an al-Karim.
- e) Para ahli bahasa Arab menetapkan kaedah ima:laṭ dan tashi:l berdasarkan kaedah bahasa yang tetap. Manakala para qurra:' mengkaji dengan lebih mendalam tentang lajjaṭ orang Arab. Oleh itu, semua ima:laṭ pada qurra:' adalah diterima oleh kaedah bahasa. Tetapi, tidak semua yang ditetapkan oleh ahli bahasa adalah ima:laṭ dalam al-Qur'an al-Karim.
- f) Penurunan al-Qur'a:n dengan tujuh huruf adalah rahmat kepada orang-orang Islam sejagat. Hikmah ini telah memberi peluang kepada orang atau puak tertentu membaca dengan apa cara mengikut kemampuan dan keupayaan mereka.

Maka, didapati kabilah di kawasan Najd iaitu bani Tami:m, Qays dan Asad menyebut perkataan-perkataan tertentu dengan bacaan ima:laṭ. Pada masa yang sama puak penduduk Hija:z pula membaca dengan bacaan fatÍ.

- g) Ulamak nahu Arab dan ahli linguistik Arab sebenarnya tidak memusatkan perhatian yang khusus mengenai sandaran sesuatu

jenis bacaan kepada puak atau kabilah tertentu. Bahkan, mereka hanya menentukan kesahihan tata bahasa berdasarkan kepada qiya:s nahw semata-mata.

Asas menentukan satu-satu hukum bacaan mengikut ulama nahw adalah berdasarkan kaedah ataupun qiya:s. Adapun ulama qira:'a:t berpegang teguh bahawa bacaan al-Qur'a:n hanyalah boleh ditentukan melalui talaqqi: dan musha:fahah iaitu mengambil secara langsung daripada guru.

- h) Terdapat perbezaan dalam menentukan jenis-jenis 'ima:lat di antara para Qurra:' dan para ahli bahasa. Mengikut para ahli bahasa Arab terdapat enam jenis ima:laṭ. Manakala mengikut para qurra:' hanya terdapat dua jenis sahaja iaitu ima:laṭ kubra: dan ima:laṭ Îughra:. Daripada kedua-dua jenis inilah pecahan istilah-istilah lain dan membawa makna yang sama.
- i) Tashi:l hamzaṭ dalam riwayat Warsh banyak berlaku kerana melembutkan sebutan huruf hamzaṭ. Sebutan huruf hamzaṭ adalah berat, maka masyarakat Arab melembutkannya dengan tashi:l supaya lebih senang apabila meringankan sebutannya.

- j) Hamzat adalah bunyi asas dalam kebanyakan bahasa dunia. Ianya dikaji dalam setiap bahasa kerana sebutannya yang berat dan sukar. Ulama bahasa Arab mengkajinya dengan terperinci.

6.2 Cadangan

Pada kesempatan ini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan yang diharapkan akan dapat membantu pengajian ilmu-ilmu al-Qur'a:n secara khusus dan ilmu bahasa Arab secara amnya.

Walaupun kajian ini lebih menumpukan kepada aspek fonetik, tetapi ianya amat berkaitan dengan fenomena bahasa dan bacaan al-Qur'an mengikut riwayat Warsh secara khusus. Antara cadangan :

- a) Umat Islam perlulah didedahkan kepada lebih daripada satu riwayat bacaan al-Qur'an al-Karim supaya mereka mengetahui bahawa al-Qur'an al-Karim diturunkan dengan pelbagai variasi bacaan yang sesuai dengan keadaan dan keperluan masyarakat Arab pada masa silam.
- b) Pembelajaran ilmu qira:'a:t al-Qur'a:n hendaklah dipergiatkan sejak daripada peringkat sekolah lagi hingga ke peringkat pengajian tinggi bagi pelajar yang mendalami ilmu-ilmu agama.

- c) Sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi hendaklah memberi penekanan kepada aspek fonetik dalam pengajaran bahasa Arab di institusi masing-masing, terutamanya kepada bukan Arab yang semestinya mempunyai bentuk dan fisiologi yang berbeza daripada orang Arab.

Aspek sebutan yang betul mestilah diberi perhatian supaya para pelajar dapat menyebutnya dengan mudah tanpa apa-apa masalah yang besar. Pelajar-pelajar mestilah diajar meniru dialek Arab yang standard dan menepati kriteria agar mereka akan dapat menuturkannya dengan lebih baik.

- d) Pihak bertanggungjawab secara langsung seperti Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi disaran memperluaskan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berpandukan kepada al-Qur'an al-Karim. Semua peringkat pengajian hendaklah mengajarkan bahasa Arab berpandukan secara langsung kepada teks-teks al-Qur'an dan al-Hadith. Pelajar akan terus mengaplikasi kaedah yang dipelajari dalam bacaan al-Qur'an mereka.

- e) Pihak kementerian berkaitan juga diharap dapat menyediakan tenaga pengajar yang mampu membimbing para pelajar mempelajari riwayat-riwayat yang pelbagai bagi tersebut. Dana

yang berpatutan hendaklah disediakan bagi memberi latihan dan peluang mendalami ilmu daripada pihak yang mahir dan berautoriti serta menyediakan sijil yang berkaitan. Ini kerana aspek fonetik mestilah diambil secara langsung daripada gurunya.

f) Pihak universiti juga disarankan menyediakan kelengkapan dan prasarana yang mencukupi untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran seperti makmal-makmal bahasa dan kemudahan yang berkaitan. Ini akan memudahkan para pengajar dan pelajar menggunakan kaedah-kaedah terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Seterusnya akan memastikan kejayaan dan kecemerlangan ilmu berkenaan di institusi masing-masing.

g) Semua pihak haruslah berperanan menyebarkan ilmu qira'a:t al-Qur'a:n, termasuklah pihak media-massa khususnya media elektronik. Waktu siaran rancangan pengajian al-Qur'an bertajwid di televisyen hendaklah ditambah lagi agar masyarakat dapat diberi pendidikan al-Qur'an yang sepatutnya. Ini kerana media elektronik khususnya amat berpengaruh, diminati dan seharusnya digunakan secara meluas.

Langkah TV9 sebagai contoh melalui program 'Mari Bertarunnum', 'Mari Mengaji' dan "Akademi al-Qur'an' patutlah

dipuji kerana memulakan langkah ke arah memperkenalkan bidang qira'a:t al-Qur'a:n secara khusus dan pengajian al-Qur'an al-Karim umumnya.

6.3 Kesimpulan

Penulis berharap agar kajian ini memberikan penerangan tentang beberapa aspek yang penting mengenai riwayat Warsh, terutamanya Imam Warsh yang sebenarnya terkenal di kalangan para quraa:' dan ahli qira:'a:t al-Qur'a:n al-Kari:m. Penjelasan tentang perkara asas mengenai qira:'a:t al-Qur'a:n al-Kari:m khususnya aspek-aspek berkaitan Ima:lat dan tashi:l perlu diberi perhatian sewajarnya . Begitu juga hubungan antara kajian mengenainya dengan ilmu fonetik bahasa Arab diharap dapat menyuntik idea-idea bagi menjalankan kajian yang berterusan berkenaan topik berkaitan qira:'a:t al-Qur'a:n al-Kari:m.

Buat masa ini masih terdapat banyak ruang kajian yang memerlukan perhatian dan tindakan para pengkaji, terutamanya topik-topik yang berkaitan langsung dengan ilmu fonetik yang terdapat dalam riwayat Warsh seperti idgah:m, tarqi:q dan taghli:Ð la:m dan ra:' dan sebagainya yang perlu dikaji dan dipersembahkan kepada para pembaca.